



BAHAGIAN B

[30 markah]

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Soalan 1

Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Makanan seimbang dapat menjamin ketahanan serangan penyakit yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana makanan seimbang dapat menguatkan imoniti tubuh untuk melawan sebarang jenis penyakit. Kesannya, kita tidak mudah dijangkiti penyakit kerana anti-bodi yang dihasilkan mampu melawan penyakit. Oleh yang demikian, kita disarankan untuk mengamalkan tabiat pemakanan yang betul demi kesihatan yang baik.

(i)



(ii)



[2 markah]

**Soalan 2**

Dalam petikan dialog di bawah ini, terdapat **dua kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Razif: Pertambahan kes kemalangan jalan raya belakangan ini sememangnya membimbangkan kita. Adakah usaha yang belum dilakukan oleh pihak berkuasa kurang berkesan untuk mengatasi isu ini?

Amir: Sebenarnya, kebanyakan kemalangan jalan raya berlaku berpunca daripada kecuaiian manusia sendiri. Sikap setengah pengguna jalan raya yang tidak mematuhi undang-undang telah menyusahkan orang lain.

Razif: Benar, Amir. Oleh itu, kita harus memandu di jalan raya secara berhemah.

(i)



(ii)



[2 markah]



Soalan 3

*Nyatakan jenis-jenis ayat di bawah ini sama ada **Ayat Tanya**, **Ayat Penyata**, **Ayat Seru** atau **Ayat Perintah**. Kemudian, tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.*

- (i) Hafizi berjumpa dengan guru kaunseling untuk berbincang tentang bidang kerjaya yang diminatinya.



- (ii) Apakah langkah-langkah untuk memupuk minat generasi muda terhadap seni ukiran kayu?



- (iii) Wah, sungguh petah peserta antarabangsa itu berpidato dalam bahasa Melayu!



- (iv) “Usah risau, tali abah-abah ini cukup kuat untuk menahan badan kamu daripada jatuh ketika kamu memanjat tembok ini,” kata jurulatih itu kepada Khairil.



[4 markah]



Soalan 4

Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** kata-kata hikmat yang sesuai.



(i)



(ii)



[2 markah]